



TIMBALAN KETUA PENDAFTAR (IPTS)
DEPUTY REGISTRAR GENERAL (PRIVATE HEIs)
Jabatan Pendidikan Tinggi
Department of Higher Education
Aras 9, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88706401
Faks: 603-88706842
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>

Ruj. Kami : JPT/BPP/1000-2/3 Jld. (40)
Tarikh : 28 Mac 2017

Semua Ketua Eksekutif Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PELAKSANAAN PERMOHONAN SECARA ATAS TALIAN MELALUI SISTEM e-IPTS

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan sedia maklum, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa berusaha meningkatkan kualiti sistem penyampaian pendidikan tinggi selaras dengan Lonjakan 10: Transformasi Pendidikan Tinggi, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Bagi mencapai hasrat tersebut, KPT telah membangunkan sistem permohonan IPTS secara atas talian (*online*) yang dikenali sebagai e-IPTS dan sistem ini mempunyai 5 modul iaitu Modul Ketua Eksekutif, Modul Pendaftaran Institusi, Modul Tenaga Pengajar, Modul Kursus Pengajian dan Modul Pelajar.

3. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan, sistem e-IPTS akan dilaksanakan secara **go live atas talian bermula pada 3 April 2017**, iaitu permohonan akan diproses secara atas talian bagi kelima-lima modul berkenaan dan permohonan secara manual tidak akan diproses. Pihak YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan dimohon untuk mengemaskini data-data dalam 5 modul tersebut dengan kelengkapan data sebanyak 90% bagi setiap modul sebelum pelaksanaan **go live** tersebut. Sekiranya pihak YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan tidak mencapai sasaran peratusan tersebut, maka permohonan YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan tidak akan diproses.

4. Untuk pertanyaan lanjut berkenaan perkara ini, YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan boleh mengemukakan melalui ifmshelpdesk@utem.edu.my atau ipts-support@mohe.gov.my. Kerjasama YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan berkenaan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DR. MOHD NOR AZMAN BIN HASSAN)

Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
b.p: Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi

s.k:

1. Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
2. Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat (BPI)
Jabatan Pendidikan Tinggi
3. Pengarah
Bahagian Governan Swasta (BGS)
Jabatan Pendidikan Tinggi
4. Pengarah
Bahagian Pendaftaran dan Piawaian (BPP)
Jabatan Pendidikan Tinggi